

Malaysia berkongsi kedudukan ke 64 bersama Libya, Serbia dalam pembangunan manusia

Malaysian Insider

Mac 15, 2013

Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 15 Mac — Kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai kadar hayat lebih panjang, berpendidikan dan memperolehi pendapatan lebih banyak namun masih lagi menduduki tangga ke-64 daripada 187 negara dalam Indeks Pembangunan Manusia Nasional (HDI), berkongsi kedudukan dengan Libya dan Serbia, yang masih lagi berusaha untuk mengecap keamanan selepas bertahun terlibat dengan pergolakan dalaman dua negara tersebut.

Negara ekonomi ketiga terbesar di Asia Tenggara walau bagaimanapun ketinggalan di belakang Singapura (di kedudukan ke-13), dan Brunei (30) dalam Indeks 2012, yang mana mengukur pembangunan sesebuah negara berdasarkan tiga kunci utama — kadar jangka hayat, akses kepada ilmu pengetahuan, dan taraf hidup, masih lagi berada di hadapan jirannya, Thailand, Filipina, dan Indonesia yang masing-masing berada di kedudukan 103, 114, dan 121.

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dalam Laporan Pembangunan Manusia 2013 yang dikeluarkan hari ini berkata Malaysia memperolehi 0.769 mata, yang mana lebih baik daripada kedudukan purata global, 0.758 mata sekaligus meletakkannya dalam kumpulan pembangunan manusia yang tinggi.

Laporan berkenaan turut menyatakan kedudukan itu meningkat berbanding kedudukan pada 2011 di tangga 61 daripada 187 negara, namun menambah kedudukan itu seharusnya tidak boleh diambil kira kerana UNDP telah merubah kaedah metodologi mereka.

UNDP juga menjelaskan kebanyakan rakyat Malaysia kini mampu hidup tujuh tahun lebih lama, dan meneruskan persekolahan lebih lima tahun serta peningkatan kadar pendapatan purata sebanyak 191 peratus.

Malaysia bagaimanapun, jelas agensi PBB itu, masih lagi berada di kedudukan yang jauh dalam perbandingan peluang untuk wanita berbanding lelaki.

Laporan Indeks Kesaksamaan Jantina terbaru mereka tahun lalu menunjukkan Malaysia berada di kedudukan 42 daripada 148 negara.

Walaupun mendahului Thailand (66), Filipina (77), dan Indonesia (106), Malaysia masih lagi di belakang Singapura yang berada di tangga ke-13 dalam carta tersebut berdasarkan kedudukan wanita, aktiviti ekonomi mereka dan kesihatan reproduktif.

Kumpulan wanita merupakan sebahagian daripada 13.1 juta pengundi berdaftar di negara ini berdasarkan statistik terbaru pengurus pilihan raya negara ini, UNDP menjelaskan wanita hanya membentuk 13.2 juta wakil rakyat di Parlimen.

Penganalisis politik dan pemerhati bagaimanapun menjelaskan wanita dan pengundi muda wanita membentuk sejumlah besar pemilih dalam daftar pemilih mampu untuk menentukan kemenangan parti politik dalam pilihan raya ke-13 yang hanya akan berlaku dalam tempoh beberapa minggu lagi.

UNDP juga turut melaporkan kumpulan wanita membentuk 43.8 peratus tenaga kerja di Malaysia, manakala kumpulan lelaki masih lagi mendominasi pasaran kerta tempatan.

Bagi sektor pendidikan, 66 peratus wanita dewasa tamat persekolahan sekolah menengah berbanding 72.8 peratus lelaki.

UNDP juga turut melaporkan 29 wanita Malaysia meninggal dunia akibat masalah berkaitan kehamilan dan setiap 10,000 melahirkan bayi mereka dengan selamat.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-berkongsi-kedudukan-ke-64-bersama-libya-serbia-dalam-pembangunan-manusia/>